

18/08/2002

Bunyamin bukti pemimpin Pas hanya pandai sebar fitnah

Jamhariah Jaafar

BERITA bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, menyembunyikan diri apabila dipanggil polis untuk memberi keterangan mengenai fitnahnya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, konon Perdana Menteri pernah menonton video lucu bersama cucunya, adalah bukti jelas mengenai orang yang suka bercakap lepas dan ikut sedap mulut tanpa mengkaji dan mempedulikan kesan percakapannya.

Bunyamin membuat dakwaan itu dengan penuh emosi pada satu ceramah Pas di Pangkalan Chepa, Kelantan pada 15 Mac lalu, didasarkan kepada satu komen Perdana Menteri pada majlis Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, 14 Julai tahun lalu.

Dr Mahathir membuat komen berikutan kes jenayah di luar batas kemanusiaan, termasuk bapa menyembelih anak, anak membunuh bapa dan kes bunuh selepas merogol kanak-kanak dan pelajar sekolah, semakin membimbangkan.

Beliau menyatakan rasa sedih dan sebak mengenai kes seperti itu, antara lain menyatakan pengedaran bahan lucu sekarang berleluasa hingga kanak-kanak peringkat tadika pun mendapatnya.

"Yang ini saya dapat tahu daripada cucu saya sendiri, dia cerita mengenai apa yang dia tengok. Saya agak terkejut macam mana dalam tadika pun, mereka sudah dapat ini," demikian Perdana Menteri dipetik sebagai berkata.

Selama ini, terutama sejak krisis politik 1999, ahli dan pemimpin Pas tanpa segan silu untuk menanggung di air keruh, semakin lantang dan tanpa `tapisan' dalam meluahkan pendapat mengenai pemerintah, sama ada dalam ceramah, pidato, wawancara, mahupun tulisan dalam pelbagai makalah yang bersifat antikerajaan,

Daripada buku Shit hasil tulisan paling `memualkan' yang tergamak dihasilkan oleh orang yang bergelar Sasterawan Negara, Shahnon Ahmad, kepada kumpulan penceramah Pas, yang majoriti menjadikan tugas itu sebagai kerjaya mereka

Dengan sokongan Melayu ketika itu yang jelas memihak kepada mereka, golongan ini tanpa segan silu dan hilang adab sopan sebagai Melayu, mengutuk dan mengkritik kerajaan, pemimpin kerajaan dan parti pemerintah, dengan pelbagai tuduhan melulu... seolah-olah mereka saja yang bersih dan suci daripada segala dosa dan kesalahan.

Bagaimanapun, kembali kepada cerita Bunyamin, penceramah Pas yang tidak begitu popular di kalangan rakyat sebelum ini berbanding Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat; Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohammad Sabu atau Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, tiba-tiba melonjak popularitinya apabila `kejaguan'nya di pentas ceramah selama ini ternyata belum mampu untuk membuktikan beliau benar-benar `anak jantan' apabila takut untuk menanggung risiko daripada fitnah mengaibkan yang dilemparkan kepada Perdana Menteri.

Bunyamin sebenarnya boleh dikategorikan antara penceramah handalan Pas. Penyampaiannya memang lantang dan ikut `sedap mulut'. Contohnya, mengikut kenyataannya yang direkodkan oleh majalah Risik keluaran April-Mei 2002, Bunyamin ketika berceramah di Meranti, Pasir Mas, pada 12 Januari, 2001, antara lain tergamak mengeluarkan kata-kata:

"Umno parti sesat atas darat, kalau sesat dalam hutan boleh kira lagi, ni sesat atas darat. Tengah hari pun boleh sesat juga. Atas dunia dah sesat dah, akhirat tak tahulah."

Tetapi apa yang paling menarik mengenai semua penceramah Pas yang suka bercakap dan amat marah apabila Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan undang-undang perlu mendapat permit jika ingin mengadakan ceramah politik, ialah mengenai sebab utama mengapa mereka ini suka sangat berceramah.

Selain tujuan untuk menyemarakkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dan parti pemerintah, alasan utama yang dipercayai menyebabkan semua penceramah ini begitu marah apabila kebebasan mereka untuk berceramah disekat ialah kerana punca pendapatan mereka turut tersekat.

Menurut kajian Risik, setiap kali ceramah diadakan kutipan derma dengan petugas parti disuruh membawa kantung untuk mengutip wang daripada hadirin. Kalau satu ceramah Pas dihadiri 5,000 orang dan seorang bagi RM1, bermakna kutipannya RM5,000.

Majalah itu mendapat maklumat Pas mempunyai cara pembahagian kutipan wang kutipan itu dengan 40 peratus daripada hasil itu diberi kepada penceramah, 40 peratus lagi kepada penganjur dan bakinya diserahkan kepada parti.

Ini bermakna jika ada seorang penceramah dan jumlah kutipan adalah RM5,000, maka penceramah menerima RM2,000.

Tinjauan majalah itu mendapati penceramah seperti Mat Sabu, Mahfuz, Datuk Hassan Ali, Azizan Razak dan Bunyamin sendiri, akan mendapat jumlah lebih lumayan kerana mereka biasanya memberi ceramah di beberapa tempat pada satu malam.

Justeru, dengan hanya menjadikan berceramah sebagai sebagai profesion, penceramah Pas ini walaupun hanya bekerja 20 hari sebulan, mereka dipercayai mendapat ganjaran antara RM15,000 hingga RM20,000 sebulan.

Disebabkan berceramah memang menjadi profesion utama segelintir pemimpin Pas seperti Bunyamin, maka mereka juga perlu bertanggungjawab dan sanggup menghadapi risiko dalam tugas mereka.

Dalam kes ini, Bunyamin tentu tidak sanggup melihat kewibawaannya sebagai pemimpin lantang dan berani, serta `sanggup menghadapi apa saja demi menegakkan kebenaran dan keadilan', terjejas dengan tindakannya melarikan diri daripada pihak berkuasa.

Upah begitu lumayan yang diterima daripada rakyat yang `percayakan ceramahnya' selama ini, perlu dibalas dengan penjelasan mengenai apa yang dimaksudkan dengan tuduhan yang dilempar terhadap Perdana Menteri.

Kegagalan Bunyamin untuk menjelas dan membuktikan tuduhan itu, akan membuktikan dia memang bersalah. Bak kata pepatah Melayu, `kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa.'